



BAB 20: KERAJAAN KHULAFAR-RASYIDIN



Khulafa Ar-Rasyidin

Khulafa Ar-Rasyidin atau Khulafa Ar-Rasyidun (jamak kepada Khalifatur Rasyid) bererti wakil-wakil atau khalifah-khalifah yang benar atau lurus. Mereka waris kepemimpinan Rasulullah selepas kewafatan baginda Nabi Muhammad S.A.W.. Pelantikan mereka dibuat secara *Syura* iaitu perbincangan para sahabat atau pilihan khalifah sebelum. Selepas pemerintahan ini, Kerajaan Islam diganti oleh Kerajaan Umayyah. Khulafa Ar-Rasyidin terdiri daripada empat sahabat:

- Saidina Abu Bakar, 632-634 M
- Saidina Umar Al-Khatab, (Umar I) 634-644 M
- Saidina Uthman Affan, 644-656 M
- Saidina Ali Abi Talib, 656-661 M



Selepas kematian Saidina Ali, pemerintahan jatuh kepada Muawiyah yang mengasaskan Kerajaan Bani Umayyah.

1 Saidina Abu Bakar As-Siddiq

Abu Bakar As-Siddiq (b. Arab أبو بكر الصديق Abū Bakr Al-Siddīq) ialah khalifah pertama orang Muslim dari tahun 632-634 M. Beliau pada awalnya digelar *Abdul Kaabah* (hamba Kaabah) tetapi selepas pengislamannya, beliau menukar namanya kepada Abdullah. Namun beliau selalu digelar Abu Bakar (daripada perkataan Arab *Bakar* yang bermaksud unta muda) kerana beliau amat gemar membiak unta. Beliau amat terkenal dengan gelaran *As-Siddiq* (yang membenarkan). Nama sebenar beliau ialah Abdullah ibni Abi Quhaafah.

Kehidupan Awal

Saidina Abu Bakar As-Siddiq merupakan sahabat Nabi Muhammad S.A.W. yang paling rapat sekali. Semasa Nabi Muhammad S.A.W. berhijrah dari Makkah ke Madinah pada tahun 622, hanya beliau seorang yang mengikuti baginda tanpa ditemani oleh orang lain. Rasulullah S.A.W. mengahwini anak perempuan beliau iaitu Saidatina Aishah tidak lama selepas berhijrah ke Madinah berlaku. Pernah menjadi kaya, dia juga dikenangi kerana jasanya membebaskan beberapa hamba yang beragama Islam daripada tuan mereka yang kafir termasuklah Bilal Bin Rabah. Beliau juga merupakan salah seorang Muslim yang pertama sekali memeluk Islam.

Menjadi Khalifah Pertama

Semasa Rasulullah S.A.W. sedang sakit tenat, baginda mengarahkan supaya Saidina Abu Bakar mengimamkan solat orang Islam. Selepas kewafatan baginda, majlis yang dihadiri oleh golongan Ansar dan Muhajirin ditubuhkan untuk melantik seorang khalifah bagi memimpin umat Islam. Hasil daripada perjumpaan itu, Saidina Abu Bakar dilantik dan menjadi khalifah pertama umat Islam.

Pelantikan Saidina Abu Bakar mendapat tentangan daripada beberapa orang yang ingin melantik Saidina Ali Abi Talib sebagai khalifah kerana Saidina Ali merupakan menantu dan anak saudara Rasulullah S.A.W.. Golongan Syiah yang merupakan golongan daripada keluarga Bani Hashim menentang pelantikan Saidina Abu Bakar. Tentangan itu tamat selepas Saidina Ali Abi Talib membai'ahkan Saidina Abu Bakar. Ada pendapat mengatakan bahawa Saidina Ali Abi Talib hanya membai'ahkan Saidina Abu Bakar selepas enam bulan.

Perang Riddah

Masalah mula timbul apabila Saidina Abu Bakar dilantik menjadi khalifah. Masalah ini menggugat kestabilan dan keamanan Kerajaan Islam. Banyak puak-puak Arab memberontak dan menentang khalifah. Sesetengah daripada mereka enggan membayar zakat manakala ada pula

yang kembali kepada menyembah berhala dan mengikut tradisi lama mereka. Puak-puak ini mendakwa bahawa mereka hanya menurut perintah Rasulullah S.A.W. dan memandangkan baginda telah wafat maka mereka tidak perlu lagi mengikut ajaran Islam dan mereka telah bebas.

Saidina Abu Bakar menegaskan bahawa mereka bukan sahaja menyatakan taat sembah kepada seorang pemimpin malah mereka kini tergolong dalam golongan Muslim. Ada di antara mereka mendakwa bahawa mereka ialah Nabi dan rasul. Bagi menumpaskan penghinaan dan perbuatan murtad ini, maka Saidina Abu Bakar melancarkan perang terhadap golongan yang digelar golongan *Riddah*. Hal ini merupakan permulaan Perang Riddah. Salah seorang yang mengaku menjadi Nabi ialah Musailimah. Khalid Al-Walid berjaya menumpaskan Musailimah dalam suatu pertempuran.

Ekspedisi ke Utara

Selepas berjaya mengurangkan golongan *riddah*, Saidina Abu Bakar mula menghantar panglima-panglima perang Islam ke utara untuk memerangi Byzantine (Rom Timur) dan Empayar Parsi. Khalid Al-Walid berjaya menawan Iraq dalam hanya satu kempen ketenteraan. Beliau juga menempuh kejayaan dalam beberapa ekspedisi ke Syria. Menurut seorang orientalis Barat, kempen Saidina Abu Bakar hanyalah sebuah lanjutan daripada Perang Riddah. Hal ini jelas salah memandangkan kebanyakan golongan *riddah* terletak di selatan Semenanjung Arab dan bukannya di utara.

Pengumpulan Al-Quran

Menurut ahli sejarah Islam, selepas Perang Riddah ramai orang yang mahir menghafaz Al-Quran terbunuh. Saidina Umar Al-Khatab (*khalifah yang berikutnya*) meminta Saidina Abu Bakar untuk mula menjalankan aktiviti pengumpulan semula ayat-ayat Al-Quran. Saidina Uthman bin Affan kemudiannya melengkapkan aktiviti pengumpulan Al-Quran semasa beliau menjadi khalifah.

Kewafatan Saidina Abu Bakar As-Siddiq

Saidina Abu Bakar wafat pada 23 Ogos 634 di Madinah iaitu dua tahun selepas menjadi khalifah. Ada dua pendapat mengenai sebab kematian Saidina Abu Bakar. Ada yang mengatakan disebabkan keracunan dan ada pula yang mengatakan Saidina Abu Bakar meninggal dunia secara biasa. Sebelum kewafatannya, Saidina Abu Bakar menggesa masyarakat menerima Saidina Umar Al-Khatab sebagai khalifah yang baru. Saidina Abu Bakar dikebumikan di sebelah makam Nabi Muhammad S.A.W. di Masjid An-Nabawi yang terletak di Madinah.

Sumbangan Saidina Abu Bakar As-Siddiq

Saidina Abu Bakar walaupun hanya memerintah selama dua tahun (632-634), tetapi beliau banyak menyumbang terhadap perkembangan Islam. Beliau berjaya menumpaskan golongan *Riddah* yang ada di antaranya murtad dan ada di antaranya mengaku sebagai Nabi. Beliau juga mula mengumpulkan ayat-ayat Al Quran dan beliau juga berjaya meluaskan pengaruh Islam.

2 *Saidina Umar bin Al-Khattab*

Saidina Umar Ibni Al-Khattab (Arab, *عمر بن الخطاب*) (c. 581 - November, 644), kadangkang dipanggil juga sebagai Umar Farooq ataupun Omar atau Umar ialah daripada Bani Adi iaitu salah satu golongan puak Quraisy. Beliau menjadi khalifah kedua Islam (633-644) dan merupakan salah satu khalifah dalam Khulafa Ar-Rasyidin.

Penghidupan Awal

Saidina Umar dilahirkan di Makkah. Beliau dikatakan terdiri daripada golongan kelas pertengahan. Beliau juga berilmu iaitu merupakan perkara yang amat jarang pada masa tersebut dan juga merupakan seorang pejuang dan wira yang gagah dan terkenal kerana kegagahannya. Selepas pengislamannya, beliau melahirkan rasa kesalnya terhadap peristiwa penanaman anak

perempuannya secara hidup-hidup dahulu (*perkara seperti ini ialah fenomena biasa di Tanah Arab sebelum kedatangan Islam*).

Peristiwa Memeluk Islam

Semasa Nabi Muhammad S.A.W. mula menyebarkan Islam secara terang-terangan, Saidina Umar mempertahankan ajaran tradisi masyarakat Quraisy. Saidina Umar ialah antara orang yang paling kuat menentang Islam pada masa itu. Menurut ahli sejarah Islam, semasa Saidina Umar dalam perjalanan untuk membunuh Rasulullah S.A.W., beliau bertembung dengan seseorang yang mengatakan bahawa beliau haruslah membunuh adik perempuannya dahulu memandangkan adiknya telah memeluk Islam.

Saidina Umar pergi ke rumah adiknya dan mendapati adiknya sedang membaca Al-Quran. Dalam keadaan yang marah dan kecewa beliau memukul adiknya. Apabila melihat adiknya berdarah, beliau meminta maaf dan sebagai balasan beliau akan membaca secebis ayat Al-Quran kepada adiknya. Beliau berasa terharu apabila mendengar ayat-ayat Al Quran yang begitu indah sehinggakan beliau memeluk Islam pada hari itu juga. Selepas peristiwa terbabit, beliau berjanji akan melindungi Islam sehingga ke titisan darah terakhir.

Pemerintahan Saidina Umar

Semasa pemerintah Saidina Umar, empayar Islam berkembang dengan pesat; menawan Mesopotamia dan sebahagian kawasan Parsi daripada Empayar Parsi (berjaya menamatkan Empayar Parsi), dan menawan Mesir, Palestin, Syria, Afrika Utara, dan Armenia daripada Byzantine (Rom Timur). Ada di antara pertempuran ini menunjukkan ketangkasan tentera Islam seperti Perang Yarmuk yang menyaksikan tentera Islam yang berjumlah 40 000 orang menumpaskan tentera Byzantine yang berjumlah 120 000 orang. Hal ini mengakhiri pemerintahan Byzantine di selatan Asia Kecil.

Pada tahun 637, selepas pengempungan Baitulmuqaddis yang agak lama, tentera Islam berjaya menakluk kota tersebut. Paderi besar Baitulmuqaddis iaitu Sophronius menyerahkan kunci kota itu kepada Saidina Umar. Beliau kemudiannya mengajak Saidina Umar supaya bersembahyang di dalam gereja besar Kristian iaitu gereja Church of the Holy Sepulchre. Saidina Umar menolak dan sebaliknya menunaikan solat tidak beberapa jauh daripada gereja tersebut kerana tidak ingin mencemarkan status gereja tersebut sebagai pusat keagamaan Kristian. 50 tahun kemudian, sebuah masjid yang digelar Masjid Umar dibina di tempat Saidina Umar menunaikan solat.

Saidina Umar banyak melakukan reformasi terhadap sistem pemerintahan Islam seperti menubuhkan pentadbiran baru di kawasan yang baru ditakluk dan melantik panglima-panglima perang yang berkebolehan. Semasa pemerintahannya juga kota Basra dan Kufah dibina. Saidina Umar juga amat dikenal kerana kehidupannya yang sederhana.

Kewafatan Saidina Umar

Saidina Umar wafat pada tahun 644 selepas dibunuh oleh seorang hamba Parsi yang bernama Abu Lu'lu'ah. Abu Lu'lu'ah menikam Saidina Umar kerana menyimpan dendam terhadap Saidina Umar. Dia menikam Saidina Umar sebanyak enam kali sewaktu Saidina Umar menjadi imam di Masjid al-Nabawi, Madinah. Saidina Umar meninggal dunia dua hari kemudian dan dikebumikan di sebelah makam Nabi Muhammad S.A.W. dan makam Saidina Abu Bakar. Saidina Uthman bin Affan dilantik menjadi khalifah selepas kematiannya.

3 *Saidina Uthman bin Affan*

Uthman bin Affan (Arab: عثمان بن عفان) merupakan salah seorang sahabat Nabi Muhammad S.A.W. Ketika beliau menjadi khalifah, berlaku pertelingkahan dalam kalangan umat Islam mengenai cara bacaan Al-Quran. Justeru, Uthman bin Affan telah meminjam suhuf, (kumpulan penulisan Al-Quran daripada Hafsa. Selepas itu Uthman bin Affan telah memerintah-

kan empat orang sahabat untuk menyalin semula Al-Quran dalam bentuk yang sempurna yang dikenal sebagai Mushaf Uthman. Salinan Mushaf Uthman tersebut dihantar ke seluruh pusat jajahan bagi mengantikan salinan-salinan yang lain.

Biografi

Saidina Uthman dilahirkan di dalam sebuah keluarga Quraish yang kaya di Mekah beberapa tahun selepas kelahiran Nabi Muhammad S.A.W.. Dia ialah salah seorang daripada orang yang pertama sekali memeluk Islam dan amat dikenal kerana sifat dermawannya kepada orang yang susah. Beliau juga berhijrah ke Habshah dan kemudian penghijrahan dari Mekah ke Madinah.

Perkembangan Islam Semasa Pemerintahan Saidina Uthman

Saidina Uthman menjadi khalifah selepas Saidina Umar Al-Khatib dibunuh pada tahun 644. Beliau memerintah selama dua belas tahun iaitu dari tahun 644 sehingga tahun 656. Semasa pemerintahannya, keseluruhan Iran, sebahagian daripada Afrika Utara, dan Cyprus menjadi sebahagian daripada empayar Islam. Adalah dikatakan bahawa Saidina Umar melantik saudaranya sebagai pentadbir jajahan baru Islam. Enam tahun pertama pemerintahannya dianggap aman manakala enam tahun terakhir pula dianggap keadaan huru-hara. Beliau juga berjaya menghabiskan usaha pengumpulan Al-Quran yang dimulakan oleh Saidina Abu Bakar (*khalifah pertama Islam*).

Pandangan Ahli Sunnah Waljamaah dan Syiah Mengenai Saidina Uthman

Ahli Sunnah Waljamaah berpendapat beliau telah mengahwini dua orang puteri Rasulullah S.A.W. dalam masa yang berbeza. Saidina Uthman juga telah dijanjikan syurga. Golongan Syiah percaya bahawa Saidina Ali Abi Talib yang sepatutnya menjadi khalifah memandangkan beliau ialah sepupu dan menantu Nabi S.A.W.. Mereka percaya bahawa Saidina Uthman tamak dan mementingkan saudara sendiri dalam melantik pentadbir baru.

4 *Saidina Ali bin Abi Talib*

Saidina Ali Abi Talib (Arab: علي بن أبي طالب) ialah khalifah keempat Islam daripada Khulafa Ar-Rasyidin. Beliau juga ialah sepupu dan menantu kepada Nabi Muhammad S.A.W. selepas mengahwini anak perempuan Baginda, iaitu Saidatina Fatimah.



Kehidupan Awal

Saidina Ali dilahirkan di Mekah pada tahun 598. Golongan Syiah percaya bahawa Saidina Ali dilahirkan di dalam Kaabah, tempat paling suci bagi orang Islam. Bapa Saidina Ali, Abu Talib ialah ahli puak Quraisy dan juga ialah bapa saudara Nabi Muhammad S.A.W.. Semasa baginda menjadi yatim dan kemudiannya dibela oleh datuknya yang kemudiannya meninggal dunia, Abu Talib menjaga baginda. Saidina Ali dan Nabi Muhammad yang merupakan sepupu dibesarkan seperti adik-beradik. Semasa baginda menerima wahyu, Saidina Ali merupakan kanak-kanak yang pertama memeluk Islam.

Saidina Ali sentiasa menyokong Nabi Muhammad S.A.W. ketika berlakunya kezaliman terhadap orang Muslim. Pada tahun 622 Masihi, semasa peristiwa hijrah berlaku, Saidina Ali mengambil risiko dengan tidur di katil Rasulullah S.A.W. lantas berjaya mengelakkan satu percubaan membunuh.

Menjadi Khalifah Keempat

Pada tahun 656 Masihi, khalifah ketiga Islam iaitu Saidina Uthman Affan wafat kerana dibunuh di dalam rumahnya sendiri. Segelintir masyarakat kemudiannya mencadangkan Saidina Ali supaya menjadi khalifah tetapi Saidina Ali menolak. Tetapi selepas didesak oleh pengikutnya, beliau akhirnya menerima jawatan khalifah.

Pentadbiran Saidina Ali

Perkara pertama yang beliau lakukan selepas dilantik menjadi khalifah ialah menghapuskan pemberontakan yang ketua oleh isteri Rasulullah, iaitu Ummul Mukminin Saidatina Aisyah dan dua orang sahabat Nabi, iaitu Talhah Ibn Ubaidillah dan Zubair Ibn Awwam. Pemberontakan itu berjaya ditumpaskan oleh Saidina Ali dalam Perang Jamal (*juga dikenal sebagai Perang Unta*). Dalam peperangan ini, Talhah dan Zubair terkorban manakala Saidatina Aisyah kembali ke Madinah.

Selepas itu, Saidina Ali melantik gabenor-gabenor baru bagi menggantikan pentadbir-pentadbir yang dilantik oleh Saidina Uthman. Saidina Ali memindahkan pusat pentadbiran Islam daripada Madinah ke Kufah, Iraq. Kota Damsyik, Syria pula ditadbir oleh Muawiyah, Gabenor Syria dan saudara Saidina Uthman. Muawiyah telah dilantik sebagai Gabenor pada masa pemerintahan Saidina Umar lagi.

Muawiyah, yang menyimpan cita-cita politik yang besar, berpendapat bahawa siasatan berkenaan dengan pembunuhan Saidina Uthman adalah merupakan keutamaan bagi negara ketika itu dan beliau ingin mengetahui siapakah pembunuh Saidina Uthman dan pembunuh tersebut mestilah dihukum qisas. Bagi Saidina Ali, beliau berpendapat keadaan dalam negara hendaklah diamankan terlebih dahulu dengan seluruh penduduk berbai'ah kepadanya sebelum beliau menyiasat kes pembunuhan Saidina Uthman. Muawiyah kemudiannya menyatakan rasa kesal dengan kelambatan Saidina Ali menyiasat kematian Saidina Uthman, lalu melancarkan serangan ke atas Saidina Ali. Akhirnya terjadilah Perang Siffin di antara Muawiyah dengan Saidina Ali. Antara para sahabat yang terlibat dalam peperangan ini adalah Amru Ibn Al-Ash, Ammar Ibn Yasir, Abdullah Ibn Amru Al-Ash, dan Abdullah Ibnu Abbas.

Antara para sahabat yang bersikap berkecuali dalam hal ini termasuklah Abdullah Ibn Umar, Muhammad Ibn Maslamah, Saad Ibn Abi Waqqas, dan Usamah Ibn Zaid.